

STRATEGI PEMBELAJARAN KURSUS PERAKAUNAN KEWANGAN DI POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

LEARNING STRATEGY FOR FINANCIAL ACCOUNTING COURSE AT POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Noor Dasreena Shukria Abdul Shukur¹

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak, KM 22, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak, Malaysia
(E-mail: dasreena@poliku.edu.my; adik412@gmail.com)

Article history

Received date : 29-10-2023

Revised date : 30-10-2023

Accepted date : 5-12-2023

Published date : 31-12-2023

To cite this document:

Abdul Shukur, N. D. S. (2023). Strategi pembelajaran kursus perakaunan kewangan di Politeknik Kuching Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6(21), 23 - 31.

Abstrak: Perakaunan merupakan subjek yang sukar dan mencabar. Oleh yang demikian, kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti strategi menambahbaik pembelajaran bagi kursus Perakaunan Kewangan. Sampel kajian ini terdiri daripada 120 orang pelajar Diploma Akauntansi di Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak. Instrumen kajian ini ialah borang soal selidik yang telah diedarkan secara rawak untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Kajian ini penting untuk menambahbaik strategi pembelajaran dalam kursus perakaunan kewangan dalam meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk menempuh alam pekerjaan selepas tamat pengajian kelak di samping meningkatkan pencapaian diri dalam akademik. Hasil kajian ini juga dapat memberikan maklumat yang berguna kepada pelajar perakaunan dan juga pensyarah kursus perakaunan kewangan. Dapatan kajian menjelaskan bahawa pensyarah perlu mempelbagaikan situasi kehendak soalan dalam kursus Perakaunan Kewangan untuk meningkatkan pemahaman pelajar dalam kursus yang dianggap paling penting dalam semua sub-bidang perakaunan.

Kata Kunci: Perakaunan Kewangan, Strategi Pembelajaran, Pelajar

Abstract: Accounting is a difficult and challenging subject. Therefore, a study was conducted to identify strategies to improve learning for the Financial Accounting course. The sample of this study consists of 120 Diploma of Accountancy students at the Department of Commerce, Politeknik Kuching Sarawak. The instrument of this study is a questionnaire that has been distributed randomly to obtain the data required in this study. This study is important to improve the learning strategy in the financial accounting course in increasing the self-confidence of students to enter the world of work after graduation in addition to improving self-achievement in academics. The results of this study can also provide useful information to accounting students and also financial accounting course lecturers. The findings of the study explain that lecturers need to diversify the situation of the questions in the Financial Accounting course to improve student understanding in the course which is considered the most important in all accounting sub-fields.

Keywords: Financial Accounting, Learning Strategies, Students

Pengenalan


Terdapat pelbagai sub-kursus dalam bidang perakaunan iaitu Perakaunan Kewangan, Perakaunan Kos, Percukaian dan Pengauditan. Sub-bidang dalam kursus perakaunan kewangan yang perlu diambil bagi semua pelajar Diploma Akauntansi, Politeknik Malaysia adalah sebanyak lima kursus berbanding dengan sub-bidang yang lain yang hanya sekadar dua kursus sahaja.

Jadual 1: Kursus Wajib Bagi Pelajar Diploma Perakaunan

Sub-Kursus	Nama kursus	Semester yang perlu diambil
Perakaunan Kewangan	Financial Accounting 1	1
	Financial Accounting 2	2
	Financial Accounting 3	3
	Financial Accounting 4	4
	Financial Accounting 5	5
	Computerised Accounting	2
Perakaunan Kos dan Pengurusan	Cost and Management Accounting 1	3
	Cost and Management Accounting 2	4
Percukaian	Malaysian Taxation 1	4
	Malaysian Taxation 2	5
Pengauditan	Audit	4
	Audit and Assurance	5

Kursus perakaunan kewangan merupakan kursus yang dianggap sukar dalam kalangan semua pelajar, khusus kepada pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak. Kesukaran ini jelas apabila latihan berkaitan dengan Penyata Kedudukan Kewangan selalu tidak seimbang dan pelajar tidak dapat menjawab dengan betul. Di samping itu, pelajar sukar mengetahui apa yang diminta oleh soalan. Ini menyebabkan pengiraan yang dibuat tidak dapat mengimbangkan penyata kedudukan kewangan. Hampir semua pelajar Jabatan Perdagangan merasa kursus ini agak susah difahami kerana topik berbeza tetapi cara menjawab soalan hampir sama. Terdapat segelintir pelajar yang kadangkala menjawab dengan salah dan tidak mampu membuat penyata kewangan dengan baik kerana asas perakaunan yang lemah. Bagi pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam kursus ini semasa Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), mereka menganggap kursus ini tidak sesukar tapi masih berada pada tahap sederhana.

Terangkan sejauh mana kerap berlaku masalah pembelajaran dalam kursus perakaunan kewangan? (SILA JAWAB DALAM BENTUK SKALA 1 - 5) 1: Tidak pernah ----- 5: Sangat kerap



Rajah 1: Masalah Pembelajaran Perakaunan Kewangan dalam kalangan pelajar-pelajar Diploma Akauntansi, Jabatan Perdagangan PKS bagi sesi II:2022/2023

Berdasarkan kepada Rajah 1, dibuktikan bahawa terdapat sebahagian pelajar menghadapi masalah kefahaman terhadap soalan. Mereka bukan tidak memahami apa yang diajar oleh para pensyarah tetapi sukar memahami kehendak soalan. Pelajar bukan sahaja salah di bahagian pengiraan, tetapi sukar untuk memahami kehendak soalan dan ini bermaksud pelajar masih lemah dalam memahami konsep perakaunan kewangan. Hasil semakan kertas ujian dan jawapan latihan, masih ada pelajar yang selalu terbalik catatan antara debit dan kredit dan ini membawa kepada pemahaman konsep yang salah walaupun pada dasarnya mereka mampu membuat catatan bergu. Sebahagian pelajar masih kurang memahami sub-topik tertentu dan apabila soalan diubah sedikit, pelajar tidak mampu menjawab dengan baik. Ini dapat dilihat sebahagian pelajar suka menghafal jawapan dari memahami kehendak soalan. Selain itu pelajar tidak pandai membahagikan masa untuk belajar perakaunan kewangan di mana masa 4 jam seminggu yang diperuntukkan di dalam jadual waktu adalah tidak mencukupi. Pembelajaran sebenarnya bukan hanya berkaitan dengan penambahan pengetahuan atau mengingat semula apa yang telah dipelajari tetapi juga berkaitan dengan kefahaman prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan kepada situasi dunia sebenar. Hal ini kerana, setelah tamat belajar, pelajar perlu mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari mereka ke alam pekerjaan sebenar. Terdapat juga segelintir pelajar yang menyatakan bahawa soalan latihan Perakaunan Kewangan yang diberikan adalah tidak mencukupi menyebabkan mereka gagal mendapat markah tinggi dalam peperiksaan, kurang berminat pada kursus ini dan seterusnya berputus asa.

Senario ini mendarat persoalan sejauh mana keadaan ini perlu dipandang serius kerana kursus perakaunan kewangan adalah sangat penting bagi mereka yang bergelar pelajar Diploma Akauntansi. Kegagalan mereka memahami kursus Perakaunan Kewangan dengan baik akan memberi impak yang negatif kepada bakal majikan mereka untuk membenarkan pelajar bergraduat dalam bidang perakaunan ini untuk mengendalikan akaun-akaun perniagaan. Sehubungan dengan itu, adalah amat penting bagi Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching

Sarawak mengetahui strategi dalam menambahbaik pembelajaran dalam kursus Perakaunan Kewangan. Kegagalan pensyarah menunjukkan strategi pembelajaran yang baik akan menyebabkan keputusan pelajar dalam kursus Perakaunan Kewangan akan lebih merosot. Faktor-faktor seperti strategi pembelajaran dan kaedah pengajaran yang diaplikasikan pensyarah merupakan antara faktor terpenting kejayaan seseorang pelajar itu. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang disukai oleh pelajar sebagai menambahbaik pembelajaran dalam kursus Perakaunan Kewangan khususnya di Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak. Kajian ini penting supaya kedua-dua pihak, pelajar dan pensyarah sama-sama dapat memperbaiki kelemahan dan kekurangan mereka semasa proses pengajaran bertepatan dan bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar.

Sorotan Kajian

Kursus Perakaunan Kewangan merupakan kursus yang dianggap sukar (Ishak et al., 2008; Jamaluddin et al., 2016; Rudzi, 2021). Ramai pelajar sukar memahami kursus ini terutamanya dari segi konsep perakaunan kewangan yang dianggap terlalu rumit (Tono Hassan & Ali, 2017) dan ramai pelajar gagal dalam kursus ini di peringkat permulaan (Nias Ahmad et al., 2010; Rudzi, 2021). Perakaunan Kewangan lebih dianggap sukar oleh pelajar-pelajar yang lemah dalam akademik dan dalam pengiraan (Habidin et al., 2021). Di sini dapat dilihat bahawa adalah amat penting pada seorang pensyarah menarik minat pelajar dalam memahami kursus Perakaunan Kewangan yang dianggap adalah susah. Minat pelajar perlu didorong oleh pelbagai strategi, teknik dan kaedah pembelajaran yang mudah diikuti serta difahami oleh mereka. Ini kerana penggunaan strategi, teknik dan kaedah yang sesuai menjadikan mereka lebih fokus terhadap pembelajaran mereka. Beberapa kajian terdahulu ada mencadangkan pelbagai strategi untuk membaiki masalah pembelajaran perakaunan (Zainal, 2017; Mahyidin & Othman, 2020).

Sekiranya permasalahan ini tidak dikurangkan ianya akan memberikan kesan negatif kepada semua pihak termasuklah diri pelajar sendiri. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi mendapat kaedah penyelesaian yang cepat. Antara strategi yang dicadangkan adalah melalui permainan (De Oliveira, 2020), dan *Do, reflect, think, apply* (Butler et al, 2019). Pensyarah adalah faktor utama yang menyumbangkan kepada pencapaian akademik pelajar yang cemerlang (Yee et al, 2015). Menurut kajian ini, pensyarah berperanan sebagai model dalam membimbing dan mendidik pelajar untuk menunjukkan sikap yang positif terhadap pencapaian akademik mereka. Kegagalan pensyarah untuk menunjukkan sikap yang positif akan menyebabkan pelajar berasa sukar memahami kursus Perakaunan Kewangan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran perakaunan dijalankan. Terdapat juga teknik flipped classroom yang dikatakan mampu memudahkan proses pengajaran kursus Perakaunan Kewangan selari dengan kajian yang Adri et al (2021). Dalam kajian tersebut, penggunaan flipped classroom berjaya meningkatkan pencapaian dalam kursus Perakaunan untuk program Matrikulasi. Selain itu, Ahmad, et al (2020) mencadangkan penggunaan VLE sebagai platform e-pembelajaran dalam kursus Perakaunan Kewangan. Berdasarkan kepada dapatan-dapatan ini, tiada yang mencadangkan kepelbagai situasi soalan dapat membantu menambahbaik pembelajaran Bagi Kursus Perakaunan Kewangan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mendapat strategi baru yang boleh dilaksanakan dalam menambahbaik pembelajaran bagi kursus Perakaunan Kewangan

Metodologi

Tujuan utama kajian tindakan ini adalah untuk mengenal pasti strategi menambah baik pembelajaran bagi kursus Perakaunan Kewangan Di Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak. Sehubungan dengan itu, untuk mendapatkan maklum balas daripada responden, instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang diedarkan kepada pelajar Diploma Akauntansi semester 3,4 dan 5 secara rawak yang telah mengambil sekurang-kurangnya dua

kursus Perakaunan Kewangan sepanjang pengajian mereka di Politeknik Kuching Sarawak. Penyelidik telah memastikan bahawa soalan-soalan difahami oleh responden dan soalan yang ditanya tidak menjurus kepada memberi pendapat yang berat sebelah kepada responden. Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan dapatan dari *google forms* yang diedarkan.


Hasil Analisis

Analisis dalam bahagian ini akan dibahagikan kepada dua iaitu latar belakang responden dan cadangan penyelesaian untuk menambah baik pembelajaran kursus Perakaunan Kewangan.

a) Latar belakang responden

Latar belakang responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, Rajah 3 dan Rajah 4. Seramai 80 peratus adalah daripada pelajar perempuan, manakala bakinya adalah pelajar lelaki ditunjukkan di Rajah 1. Bagi prestasi akademik, didapati seramai 37.5 peratus yang mendapat Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) antara 2.50 – 2.99, 37.5 peratus yang mendapat HPNM antara 3.00 – 3.49, 17.5 peratus yang mendapat HPNM melebihi 3.50 manakala selebihnya mendapat antara 2.00 – 2.49 seperti mana yang ditunjukkan di Rajah 3. Rajah 4 pula menunjukkan pengetahuan pelajar, berkaitan sub-kursus perakaunan yang paling penting sebagai Pelajar Diploma Akauntansi, di mana 75 peratus memilih Perakaunan Kewangan, 10 peratus memilih Pengauditan, 9.2 peratus memilih Perakaunan Kos dan selebihnya memilihi Percukaian. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar Diploma Akauntansi mengetahui kepentingan kursus Perakaunan Kewangan kepada mereka.


Jantina
120 responses



Rajah 2: Jantina Responden

HPNM terkini


120 responses



Rajah 3: Prestasi Akademik Responden

Sub kursus perakaunan yang paling penting dalam Program Akauntansi

120 responses




Rajah 4: Sub Kursus perakaunan yang paling penting dalam program Akauntansi

b) Strategi Menambah Baik Pembelajaran Perakaunan Kewangan.

Rajah 5 menunjukkan cadangan-cadangan bagi menambah baik pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Perakaunan Kewangan. Berdasarkan kepada dapatan analisis, majoriti responden iaitu sebanyak 76.7 peratus memilih kaedah mempelbagaikan situasi soalan dalam kursus perakaunan kewangan, diikuti dengan 21.7 peratus meminta menambahkan sekurang-kurangnya lima jam seminggu untuk kursus perakaunan kewangan dan selebihnya pelajar memohon agar setiap topik mempunyai 10 soalan latihan.


MANAKAH ANTARA PERKARA/ TINDAKAN BERIKUT DAPAT MENYELESAIKAN PEMBELAJARAN KURSUS PERAKAUNAN KEWANGAN (Pilih 1 jawapan yang paling utama sahaja)

120 responses



Rajah 5: Cadangan Penyelesaian

Adakah perkara/ tindakan berikut efektif?



Rajah 6: Persetujuan Responden Terhadap Cadangan Strategi

Dapatan ini turut disokong dengan Rajah 6 di mana 80 orang pelajar sangat setuju dengan mempelbagaikan situasi soalan perakaunan merupakan tindakan yang efektif, diikuti dengan 76 orang pelajar yang sangat setuju dengan menambahkan sekurang-kurangnya 5 jam seminggu untuk kursus perakaunan kewangan manakala 72 orang pelajar sangat setuju memastikan setiap soalan mempunyai 10 soalan latihan.

Rumusan dan Kesimpulan

Kursus perakaunan kewangan dianggap sukar bagi sesetengah pelajar. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cadangan yang sesuai untuk menambah baik kaedah pembelajaran bagi kursus ini. Secara rumusannya, kaedah mempelbagaikan situasi soalan dipilih sebagai strategi yang utama dan perlu dilaksanakan. Majoriti juga bersetuju (80 orang pelajar) cadangan tersebut adalah efektif. Namun begitu terdapat cadangan-cadangan lain yang dikemukakan oleh responden antaranya ialah memberi contoh soalan dan jawapan secara terperinci, memberikan nota ringkas yang penting setiap topik, kerap mengadakan aktiviti berkumpulan supaya dapat berkongsi pendapat dan ilmu, membuat mini kuiz setiap habis satu topik atau setiap kali topik baru masuk, membuat mini kuiz, memberi nota yang senang difahami, dan memberi nota ringkas atau contoh di papan putih dengan lebih terperinci agar pelajar lebih memahami setiap topik di dalam silibus.

Kajian ini memberikan sumbangan dari segi cadangan idea yang boleh dicuba pada semester akan datang. Kajian ini juga mencadangkan supaya lebih banyak kaedah dicadangkan dan dicuba bagi kursus yang dianggap sukar bagi pelajar Diploma Akauntansi, Politeknik Kuching Sarawak. Ini sebagai inisiatif untuk menambah baik kebolehan pelajar dalam bidang perakaunan yang boleh digunakan untuk kerjaya pada masa hadapan. Tidak dinafikan kerjaya sebagai akauntan bertauliah dapat menjanjikan masa depan yang cerah. Akauntan merupakan tunggak dalam sesebuah pengurusan dan kewangan perniagaan. Disebabkan status profesi yang tinggi, jumlah akauntan di Malaysia didapati tidak mencukupi berbanding permintaan terhadap profesion tersebut. Pekerjaan akauntan bertauliah adalah pilihan terbaik untuk pelajar yang inginkan kerjaya yang stabil dengan permintaan pekerjaan dan gaji yang tinggi. Malaysia memerlukan 60,000 akauntan profesional berkelayakan menjelang 2030. Pada masa ini, terdapat lebih 37,000 ahli yang berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Semoga dengan adanya kajian ini, pensyarah akan mempelbagaikan strategi menambahbaik pembelajaran dalam kursus Perakaunan Kewangan dan sekali gus menarik minat pelajar-pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak akan menyambung pelajaran dalam peringkat yang lebih tinggi dan akan mendaftar sebagai Akauntan Bertauliah satu hari nanti.

Bagi Politeknik Kuching Sarawak (PKS) pula, dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai salah satu inisiatif atau cadangan yang boleh diusulkan menambah baik pembelajaran bagi kursus Perakaunan Kewangan di Jabatan Perdagangan, Politeknik Kuching Sarawak untuk semua pelajar Diploma Akauntansi. Antara inisiatif yang boleh dijalankan oleh pihak PKS adalah seperti mengadakan sesi motivasi dan seminar bersama Akauntan jemputan, Hari Pameran Kerjaya bagi pelajar Akauntansi dan lain-lain.

Di samping itu juga, dengan adanya kajian ini diharap dapat meningkatkan lagi kefahaman pensyarah mengenai gaya dan kaedah pengajaran pelajar di Politeknik Kuching Sarawak agar keputusan dalam kursus perakaunan kewangan bagi pelajar Diploma Akauntansi lebih baik. Kesimpulan, para pensyarah perlu memperbanyak teknik semasa proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan minat pelajar terhadap sesuatu kursus terutamanya dalam kursus yang sukar seperti kursus Perakaunan Kewangan.

Rujukan

- Adri, J., Daud, J. M., Zulkifli, E. F., & Adnan, A. (2021). Kesan Penggunaan Flipped Classroom Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pengekosan Proses Bagi Kursus Perakaunan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(2), 1-20.
- Ahmad, N. L., Yusof, R., Ismail, Z., & Yahaya, R. (2020). Kecenderungan gaya pengajaran, tahap penggunaan dan efikasi kendiri guru Perakaunan terhadap penggunaan VLE sebagai platform e-pembelajaran. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASA5) 2020*.
- Butler, M. G., Church, K. S., & Spencer, A. W. (2019). Do, reflect, think, apply: Experiential education in accounting. *Journal of accounting education*, 48, 12-21.
- De Oliveira, A. J., Raffaelli, S. C. D., Colauto, R. D., & Casa Nova, S. P. D. C. (2020). Strategies playfull and learning styles: insights on the teaching of accounting.
- Habidin, N. F., Chik, T. W. T., Muhamad, U. A., Ong, S. Y. Y., & Malim, T. (2021). Cabaran Semasa Dan Inovasi Dalam Sistem Pembelajaran Dan Pendidikan. *Tanjung Malim: Kaizentrenovation Sdn Bhd*.
- Ishak, Z., Abdul Manaf, N. A., & Mat Zin, R. (2008). Faktor penentu prestasi pelajar matrikulasi dalam subjek perakaunan. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 5, 99-115.
- Jamaluddin, J., Din, N. M., Ahmad, M. A. N., Jabar, F. A., Fadzillah, N. S. M., & Husin, Z. (2016). Keberkesanan kaedah permainan dalam pengajaran dan pembelajaran prinsip perakaunan di sekolah menengah. *Konferens Akademik Universiti Teknologi Mara, (July 2017)*, 53-57.
- Mahyidin, T. N. T., & Othman, N. (2020). Peringkat Keprihatinan Guru Prinsip Perakaunan Terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Kes. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 27-36.
- Nias Ahmad, M. A., Nik Wan, N. Z., & Sayd Idris, S. I. Z. (2010). Pandangan pelajar terhadap matapelajaran prinsip perakaunan di daerah Maran, Pahang.
- Rudzi, R. M. (2021). Pengaruh Peranan Pensyarah Terhadap Minat Dan Kecenderungan Pelajar Dalam Subjek Perakaunan. In *4th International Virtual Conference on Economics, Entrepreneurship and Management (4 th ICEEM)* (pp. 1-13).
- Tono Hassan, D. F. A., & Ali, M. B. Kajian Awal Mengenapasti Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Dalam Kursus Perakaunan. *Kolokium Pendidikan Nusantara*, 127.
- Yee, M. H., Yunos, J. M., Othman, W., Hassan, R., Tee, T. K., & Mohamad, M. M. (2015). Disparity of learning styles and higher order thinking skills among technical students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 204, 143-152.
- Zainal, A. B. (2017). Kajian keberkesanan program women in social enterprise (wise) dari aspek kewangan dan pemasaran terhadap sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di Daerah Kulim/Bandar Baharu. *Padjadjaran, Bandung And Polytechnic Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim*, 108.